

K • A • P • S • U • L PENGUNA



EDISI 1 2022 | JAN- FEB | DITERBITKAN 28 FEBRUARI 2022

f t i y KPDNHEP



M/S:3

TANGANI KENAIKAN

M/S:9

NASI LEMAK 60 SENI

M/S:11

KPDNHEP SELANGOR

PELAKSANAAN STOK PENIMBAL GULA PUTIH BERTAPIS OLEH PENGILANG GULA TEMPATAN

PUTRAJAYA, 14 Januari 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan stok penimbal gula putih bertapis oleh dua buah kilang memproses gula iaitu Central Sugar Refinery Sdn Bhd (CSR) dan MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) bermula 1 Januari 2022 sebagai inisiatif awal bagi mengelakkan masalah bekalan gula di pasaran pada masa hadapan.

Keputusan ini dibuat setelah negara mengalami isu perbekalan gula beberapa kali kebelakangan ini ekoran daripada pelbagai faktor seperti penutupan kilang, jangkitan Covid-19 terhadap pekerja kilang, kerosakan kepada mesin boiler dan lain-lain lagi.

Sehingga kini laporan mingguan pengeluaran gula yang diterima daripada empat buah kilang gula tersebut menunjukkan trend pengeluaran gula yang sama, tetapi sebagai langkah proaktif, KPDNHEP telah merangka strategi bagi memastikan pengeluaran dan bekalan gula dalam pasaran domestik tidak terjejas.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, penggunaan gula domestik dianggarkan sebanyak 0.65 kg sebulan per kapita dan menjadikan jumlah tahunan yang diperlukan dianggarkan sebanyak 255,450MT setahun bagi keperluan 32.75 juta rakyat Malaysia. Manakala bagi pengeluaran kedua-dua syarikat pengilang gula adalah sebanyak 1,500,000MT setahun mencukupi untuk kegunaan rakyat Malaysia dan kegunaan industri di Malaysia.

Selaras dengan Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, kedua-dua syarikat telah diarahkan untuk melaksanakan stok penimbal berjumlah 53,000MT bagi gula putih bertapis pada setiap masa dan hanya digunakan apabila berlaku kekurangan bekalan di sesuatu kawasan selaras dengan Arahan Pengawal Bekalan.

Mekanisme kawalan stok penimbal pula adalah seperti berikut:

a

kuantiti gula pasir putih bertapis disimpan secara stok terapung (floating stocks) pada kadar yang dibebaskan selama 11 hingga 15 hari.

Pemenuhan berterusan akan dilakukan berdasarkan pelaporan yang dikemukakan oleh pengilang bagi memastikan kuantiti stockpile sentiasa berada pada kadar yang dibebaskan.

b

c

Kegagalan mematuhi arahan boleh menyebabkan tindakan dikenakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM1 juta ringgit atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kali pertama atau denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya.

KPDNHEP LANCAR PROTOTAIP PERTAMA BAWAH PROGRAM FRANCAIS MIKRO DAN FRANCAIS MAMPU MILIK



SUBANG, 20 Januari 2022 – Prototaip Mampu Milik Oldtown White Coffee Express di bawah inisiatif Program Pembangunan Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M) telah dilancarkan pada hari ini oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad dalam majlis ringkas di One City, USJ.

Oldtown White Coffee Express ini merupakan antara jenama francais yang terpilih untuk menerima Geran Penuh bernilai RM50,000 di bawah Program F3M yang dilaksanakan oleh KPDNHEP dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) baru-baru ini.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam berkata, pelancaran prototaip ini sekali gus menjadi mercu tanda kejayaan program ini kerana ianya merupakan prototaip pertama yang dilancarkan di bawah program ini.

Beliau berasa bangga pada hari ini kerana Oldtown White Coffee telah berjaya

PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2022 UNTUK MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA MENYAMBUH PERAYAAN

PUTRAJAYA, 26 Januari 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus komited untuk memastikan Keluarga Malaysia dilindungi dan tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup ketika ini.

Sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran semasa musim Perayaan Tahun Baru Cina 2022, Kementerian akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2022 yang akan berkuatkuasa bermula 29 Januari sehingga 4 Februari 2022 iaitu tiga (3) hari sebelum perayaan, semasa hari perayaan dan tiga (3) hari selepas perayaan.

SKIM HARGA MAKSIMUM #KELUARGA MALAYSIA

Tarikh Kuat Kuasa
1 Januari Hingga 4 Februari 2022 (15 Hari)

NAMA BARANG	KUALITI STANDARD			KUALITI STANDARD			KUALITI STANDARD			KUALITI STANDARD		
	LAJANG	BERING	BERINT	LAJANG	BERING	BERINT	LAJANG	BERING	BERINT	LAJANG	BERING	BERINT
BERSEKUTU	6.10	6.35	7.80	9.10	9.10	10.10	0.30	0.43	0.43	0.37	0.39	0.41
BERSEKUTU	6.60	7.05	8.30	9.60	9.60	10.60						
BERSEKUTU	6.30	6.50	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.80	6.80	9.00	10.20	10.20	11.20	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.00	6.50	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.50	6.50	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.50	6.50	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.50	7.50	9.10	11.00	11.00	12.10	0.43	0.44	0.44	0.40	0.42	0.44
BERSEKUTU	6.50	7.40	8.30	9.50	9.50	10.50	0.43	0.43	0.43	0.39	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.00	6.30	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	8.30	8.30	11.40	12.60	12.60	13.40	0.43	0.45	0.47	0.43	0.45	0.47
BERSEKUTU	6.50	6.50	9.70	10.70	10.00	11.00	0.44	0.46	0.48	0.43	0.45	0.47
BERSEKUTU	6.50	6.50	10.00	11.00	10.50	11.50	0.45	0.47	0.49	0.44	0.46	0.48
BERSEKUTU	6.50	6.50	10.00	11.00	10.50	11.50	0.45	0.47	0.49	0.44	0.46	0.48
BERSEKUTU	6.00	7.30	10.00	11.00	10.50	11.50	0.45	0.47	0.49	0.44	0.46	0.48

SKIM HARGA MAKSIMUM #KELUARGA MALAYSIA

Tarikh Kuat Kuasa
1 Januari Hingga 4 Februari 2022 (15 Hari)

NAMA BARANG	KUALITI STANDARD			KUALITI STANDARD			KUALITI STANDARD			KUALITI STANDARD		
	LAJANG	BERING	BERINT	LAJANG	BERING	BERINT	LAJANG	BERING	BERINT	LAJANG	BERING	BERINT
BERSEKUTU	6.10	6.35	7.80	9.10	9.10	10.10	0.30	0.43	0.43	0.37	0.39	0.41
BERSEKUTU	6.60	7.05	8.30	9.60	9.60	10.60						
BERSEKUTU	6.30	6.50	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.80	6.80	9.00	10.20	10.20	11.20	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.00	6.50	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.50	6.50	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.50	7.50	9.10	11.00	11.00	12.10	0.43	0.44	0.44	0.40	0.42	0.44
BERSEKUTU	6.50	7.40	8.30	9.50	9.50	10.50	0.43	0.43	0.43	0.39	0.41	0.43
BERSEKUTU	6.00	6.30	8.30	9.50	9.50	10.50	0.40	0.43	0.45	0.38	0.41	0.43
BERSEKUTU	8.30	8.30	11.40	12.60	12.60	13.40	0.43	0.45	0.47	0.43	0.45	0.47
BERSEKUTU	6.50	6.50	9.70	10.70	10.00	11.00	0.44	0.46	0.48	0.43	0.45	0.47
BERSEKUTU	6.50	6.50	10.00	11.00	10.50	11.50	0.45	0.47	0.49	0.44	0.46	0.48
BERSEKUTU	6.50	6.50	10.00	11.00	10.50	11.50	0.45	0.47	0.49	0.44	0.46	0.48
BERSEKUTU	6.00	7.30	10.00	11.00	10.50	11.50	0.45	0.47	0.49	0.44	0.46	0.48

membangunkan prototaip francais mampu milik Oldtown Express, dengan kos permulaan perniagaan sebanyak RM100,000 sahaja, yang merangkumi kos penyediaan outlet, peralatan dan perabot, yuran francais dan yuran latihan dan pakej yang akan didaftarkan ini mampu memberi keuntungan kepada francais sebanyak 16% untuk setiap outlet.

Terdapat 3 francaisor lagi sedang dalam peringkat terakhir penyediaan perniagaan konsep F3M manakala beberapa francaisor lain sedang dalam peringkat perancangan awalan.

DARIPADA		13.00	17.00	4.50	5.50	9.50	6.50	3.50	4.50	5.50	6.50	3.50	4.50
SEKELAH	Pendidikan	20.00	22.00	7.00	8.00	6.00	7.00	4.00	5.00	7.00	8.00	4.00	5.00
	Pendidikan	14.00	16.00	5.00	6.00	5.00	6.00	2.50	3.50	5.00	6.00	2.00	3.00
	Pendidikan	16.00	18.00	5.00	6.00	5.50	6.50	2.50	3.50	5.00	6.00	2.50	3.50
W.P. LAIN		16.00	17.00	5.00	6.00	5.50	6.50	2.50	3.50	5.00	6.00	2.50	3.50

TANGANI KENAIKAN ELAKKAN BEBAN.

Tuan Azman Adam tampil di Rancangan Biz Malaysia, RTM baru-baru ini pada 28 Januari 2022 jam 3.00 petang bagi mengupas isu peranan KPDNHEP dalam menangani kenaikan harga barang dan usaha meringankan beban Keluarga Malaysia.

Antara peranan KPDNHEP dalam menangani kenaikan harga adalah melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Kerajaan melalui Program Penyeragaman Harga telah memperuntukkan subsidi bagi barangan seperti tepung gandum, petrol ron95, diesel, minyak masak paket, gula putih dan gas cecair LPG untuk meringankan beban ahli Keluarga Malaysia.

Perkembangan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sejak dilaksanakan akhir tahun lepas menunjukkan KPDNHEP adalah Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani isu kenaikan harga barang yang berlaku. Kementerian telah melaksanakan strategi jangka pendek iaitu Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sebagai langkah untuk menstabilkan harga barangan di samping memastikan keberadaan bekalan barangan keperluan di pasaran.

Fasa 1 skim ini telah dilaksanakan pada 7 Disember 2021 hingga 31 Disember 2021 yang melibatkan kawalan harga di seluruh rantai pembekalan barangan yang terdiri daripada pengeluar, pemborong, pengedar dan peruncit ke atas 12 barangan keperluan tertentu seperti ayam, telur ayam dan beberapa jenis sayur-sayuran. Walau bagaimanapun, Kementerian telah melanjutkan tempoh pelaksanaan SHMKM bagi fasa 2 bermula 1 Januari hingga 4 Februari 2022 yang melibatkan barangan yang sama seperti ayam hidup, telur ayam, kacang panjang, cili merah, tomato, sawi, kobis bulat dan timun.

Berdasarkan statistik pelaksanaan SHMKM Fasa 1, sebanyak 26,984 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh Negara melibatkan pemeriksaan di peringkat rantai pemborong dan peruncit. Daripada jumlah itu, sebanyak 85 kes telah dihasilkan. Bagi tempoh pelaksanaan Fasa 2 pula, bermula 1 Januari sehingga 27 Januari 2022, sebanyak 33,835 premis telah diperiksa di seluruh Negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 84 kes telah dihasilkan. Antara kesalahan yang dikesan berlaku sepanjang tempoh penguatkuasaan SHMKM ini adalah menjual barangan terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan dan tidak meletakkan tanda harga khas pada barangan harga terkawal.

Pemeriksaan yang telah dilakukan seluruh Negara, kadar pematuhan ke atas SHMKM ini dapat dilihat pada tahap yang memuaskan. Berdasarkan statistik yang dinyatakan di atas, hanya 0.3% kes telah dihasilkan berbanding jumlah pemeriksaan yang telah dijalankan sepanjang pelaksanaan SHMKM Fasa 1 manakala sebanyak 0.2% kes sahaja telah dihasilkan sepanjang Fasa 2 ini.

Sekiranya peniaga melakukan kesalahan di bawah SHMKM ini peniaga akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000; dan Syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000;

Manakala kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal pula individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompau sehingga RM5,000; dan syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompau sehingga RM10,000.



Kementerian juga menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi memastikan peniaga yang tidak bertanggungjawab tidak mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut).

Memetik laporan media baru-baru ini, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menjangkakan semua barang akan mengalami kenaikan harga luar biasa, selepas sambutan Tahun Baharu Cina nanti. Ia didorong oleh lonjakan kos pengangkutan lebih sekali ganda selepas bencana banjir khususnya di Lembah Klang, Disember tahun lepas.

Kementerian menyedari kenaikan harga barang yang berlaku ketika ini akibat daripada peningkatan kos-kos tertentu dalam pengoperasian perniagaan yang menyumbang kepada kenaikan harga barangan.

KPDNHEP setiap hari akan menggerakkan kira-kira 2,200 anggota penguat kuasa di seluruh Negara bagi melakukan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas peniaga dan menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa KPDNHEP termasuklah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Pemantauan harga barang juga turut dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga yang telah dilantik oleh Kementerian ini untuk melakukan pemantauan ke atas pasaraya besar, pasaraya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku kenaikan harga.

Ramai yang tertanya-tanya, apakah mungkin Skim SHMKM diteruskan? Apakah inisiatif lain yang diambil oleh Kementerian? Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dalam memastikan kestabilan harga barang di pasaran dan seterusnya memastikan kestabilan harga barangan.

Antara tindakan-tindakan yang diambil adalah dengan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah (mencatut) oleh peniaga; dan melaksanakan Skim Harga Maksimum bagi mengawal harga barangan tertentu. Maka bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak

Mengikut pada statistik aduan yang diterima oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, sepanjang tahun lalu bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 4,582 aduan berhubung dengan isu harga telah diterima manakala bagi tahun ini bermula 1 Januari sehingga 27 Januari 2022 sebanyak 421 aduan berkaitan harga telah diterima oleh pihak KPDNHEP.

Mengambil petunjuk terkini daripada usaha yang dilaksanakan Kementerian ketika ini, SHMKM dilaksanakan dilihat adalah berperanan bagi menstabilkan kenaikan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran. Adalah dimaklumkan bahawa jumlah barangan harga terkawal bagi pelaksanaan SHMKM adalah melibatkan 12 jenis barangan daripada kategori ayam, telur ayam dan sayur.

Pihak kementerian sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan peniaga mematuhi arahan semasa pelaksanaan dan selepas pelaksanaannya. Pemantau bukan hanya dibuat semasa pelaksanaan SKM tetapi pemantauan dilaksanakan secara berterusan.

bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilaksanakan ke atas mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga secara tidak munasabah (mencatut).

Kementerian juga sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh ke atas semua premis perniagaan, ini termasuklah kawasan bandar dan luar bandar. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku kenaikan harga.

Selain itu Kementerian ini juga mendapat kerjasama dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan bekalan makanan khususnya yang melibatkan bekalan ayam, ikan, daging dan sayuran sentiasa mencukupi dan tidak terjejas, sekaligus memastikan harganya berada dalam kadar yang berpatutan dan secara tidak langsung tiada kekangan pihak Kementerian untuk merealisasikan.



Tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat di negara ini tentang hak mereka sebagai pengguna masih rendah, malah belum pun mencapai 85 peratus. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, "buat masa ini, Indeks Pendayaupayaan Pengguna adalah sederhana iaitu 63.1 peratus yang menunjukkan masyarakat di negara ini masih belum menghayati dan mempraktikkan hak-hak mereka sebagai pengguna".

Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 11 Disember 2020 telah bersetuju menetapkan (mengisytiharkan) bahawa Bulan Mac setiap tahun sebagai Bulan Pengguna Kebangsaan (BPK). KPDNHEP akan melaksanakan sambutan BPK buat julung-julung kalinya di peringkat nasional di seluruh negara bulan Mac 2022. Objektif BPK antara lain untuk memperkasa pengguna agar menjadi lebih cakna dan berdaya upaya dalam pelbagai aspek terutamanya aspek perlindungan pengguna.

Sambutan BPK ini bersesuaian dengan sambutan Hari Hak Pengguna Sedunia (HHPS) yang disambut pada 15 Mac setiap tahun di mana tahun ini temanya adalah *Fair Digital Finance* yang bermaksud kesaksamaan dalam kewangan digital. Ia menumpukan kepada kesaksamaan dan perlindungan dalam aktiviti kewangan secara atas talian. KPDNHEP mengadaptasi tema berkenaan selaras dengan keadaan dan kesesuaian masyarakat pengguna di negara ini iaitu **Digitalisasi Pengguna** yang berfokuskan kepada penggunaan transaksi atas talian yang lebih mudah, cepat dan selamat bagi urusan harian.

Pemilihan tema ini bertepatan dengan senario pandemik Covid-19 yang memerlukan sebahagian besar transaksi bayaran, jual beli dan sebagainya dilakukan tanpa sentuhan dan transaksi dalam talian adalah platform yang paling selamat dan efisien.

KPDNHEP berharap pengguna turut serta bersama arus teknologi digital dan seterusnya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kepenggunaan digital lebih-lebih lagi dari sudut keselamatan dan perlindungan dari ancaman *scam*, penipuan, penggodam dan sebagainya.

Bagi merencanakan pengisian Bulan Pengguna Kebangsaan 2022, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang selaras dengan perkembangan hal ehwal kepenggunaan semasa dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang masih berkuatkuasa. Antara aktiviti dan program yang akan dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah termasuklah aktiviti komuniti, wacana ilmiah, kembara rakan KPDNHEP, jualan, karnival kepenggunaan, promosi dan pertandingan kepenggunaan. **BPK ini akan disambut selama sebulan bermula pada 1 Mac dan berakhir pada 31**



Persefahaman dan kerjasama yang erat antara pengguna, peniaga, kerajaan dan media massa di dalam aspek konsumerisme yang boleh membantu negara mencapai wawasan negara maju.

Sambutan Hari Hak Pengguna Sedunia, World Consumer Rights Day, diraikan pada tanggal 15 Mac setiap tahun di seluruh dunia se-jak 1983, sebagai satu langkah dan lambang pe-nya-tuan semangat permuafakatan dan kerjasama semua pi-hak dalam menggerakkan isu kepenggunaan di

penggunaan. Di Kiri akan disambut selama sejam bermula pada 1 Mac dan berakhir pada 31 Mac 2022 di mana kemuncak sambutan akan diadakan pada 26 Mac 2022.

Sekiranya pengguna menghadapi sebarang masalah atau menjadi mangsa penipuan, segeralah bertindak dengan melaporkan perkara berkenaan kepada KPDNHEP atau agensi-agensi berkenaan dan pastikan hak anda sebagai pengguna sentiasa dilindungi.

Sambutan BPK juga disambut bersempena dengan pembentangan Akta Pelindungan Pengguna 1999. Melalui program ini juga, penganjur mengharapkan kesedaran dan penglibatan masyarakat pengguna supaya menyedari akan hak-hak mereka dan dapat mempraktikkannya secara berhemah.

Dengan adanya kesedaran ini, ia akan dapat merealisasikan hasrat negara untuk menjadikan masyarakat pengguna bijak dalam segala aspek dan secara tidak langsung dapat mewujudkan peniaga beretika.

Kedadaan ini akan membentuk sebuah negara yang makmur dan sejahtera. Selain itu juga, objektif sambutan Hari Pengguna ini lebih memaparkan tanggungjawab kerajaan dan kementerian di dalam program pendidikan dan perlindungan pengguna.

peringkat antarabangsa.



K.A.P.S.U.L
PENGGUNA

JANUARI & FEBRUARI 2022 **5**

ISU SEMASA

CETAK ROMPAK DIGITAL -

APA SUDAHNYA?

PELANCARAN PROGRAM CYBER COPYRIGHT ENFORCEMENT (CYCORE)

Sejak era 1980-an, gejala cetak rompak karya seni seperti karya kreatif muzik dan filem mula bertapak di Malaysia hingga meresahkan karyawan yang bergantung hidup kepada jualan dan royalti hasil seni itu. Lambakan produk cetak rompak yang dijual secara terbuka, misalnya kaset, CD dan DVD tiruan yang ketika itu ditawarkan pada harga serendah RM2.50, memaksa kerajaan membanteras kegiatan itu habis-habisan.

Ini termasuk menjejaki lanun cetak rompak dan individu yang membuat kerja penyalinan karya secara haram selain dalang yang dipercayai menjadi 'pembekal' karya asli untuk diplagiat.

Ketika itu, pelbagai kempen dianjurkan dengan sokongan artis bagi membendung aktiviti pengedaran dan penjualan produk cetak rompak merangkumi kaset, cakera padat, cakera padat video (VCD) atau cakera padat video (DVD).

Lebih tiga dekad berlalu, malangnya, masalah cetak rompak masih terus membelenggu industri seni. Lebih menakutkan, kepesatan teknologi dan kepintaran gajet yang dihasilkan manusia membolehkan kegiatan cetak rompak termasuk curi rakam dilakukan di hujung jari.

Di sebalik keterujaan menggunakan gajet selain mahu meraih perhatian sebagai individu terawal memviralkan perkongsian, masih ramai tidak sedar aksi itu melanggar Akta Hakcipta 1987 dan mencabuli hak harta intelek.

Perlanggaran undang-undang membatalkan cetak rompak dan hak cipta boleh merangkumi aktiviti mencakupi aktiviti memuat naik rakaman atau membuat siaran langsung melalui media sosial selain penggunaan aplikasi popular semasa.

Ramai pengguna memilih untuk melayari laman web yang menyediakan rakaman secara haram bagi menikmati kandungan secara percuma biarpun rata-rata sedar kesalahan yang dilakukan.

Selain itu, beberapa filem tempatan lain pernah berdepan masalah sama termasuk cetak rompak hingga mengakibatkan kerugian besar. Pernah menjadi mangsa kerakusan gejala cetak rompak, pengarah dan penerbit filem disegani, Datuk Yusof Haslam kesal melihat kegiatan cetak rompak atau lanun digital yang semakin bermaharajalela.

Dalam kita tidak sedar, kegiatan cetak rompak mampu membunuh industri seni tempatan. Takkan kita mahu membunuh karya seni anak tempatan? Sebelum ini, sebuah filem keluaran Skop Productions, Abang Long Fadil 2 menanggung rugi apabila ada individu memuat naik sedutan 30 saat daripada karya arahan Syafiq Yusof itu di Instagram.

Namun, muji klip itu dapat ditarik balik dan diseat selepas hampir sehari ia dimuat naik. Jika dibandingkan dengan Munafik 2, filem ini menanggung kerugian lebih besar apabila hampir sebulan rakaman tidak sah itu boleh ditonton berleluasa di internet.

Insiden cetak rompak digital memberi kesan besar pada mereka. Seperti filem Munafik 2, mereka mengakui telah menanggung kerugian besar, apatah lagi selepas tayangan pada minggu ketiga jatuh.

Isu ini memerlukan kesepakatan antara pemain industri dan pihak berkuasa supaya inisiatif diambil tidak sia-sia. Undang-undang melindungi hasil kreatif dan harta intelek dikuatkuasakan di Malaysia, hukuman penjara dan denda antara RM5,000 hingga RM20,000 bagi kesalahan melakukan salinan

Terdapat tiga (3) objektif utama program ini iaitu:

- memwujudkan satu platform kerjasama di antara Kementerian dan rakan strategik dengan pemilik hak cipta dalam membanteras pengedaran cetak rompak digital dalam medium internet;
- membantu mengurangkan kerugian yang dialami oleh pemilik hak cipta semasa pelancaran filem baru dalam bentuk digital; dan
- meningkatkan pemahaman serta peranan pemilik hak cipta dalam usaha membanteras cetak rompak digital

Skop pemakaian bagi kelayakan menyertai Program CyCORE ini dilaksanakan berdasarkan tiga (3) kriteria iaitu:

- pemilik karya filem tempatan atau usahasama (tempatan dan luar negara) sahaja,
- pertama kali dilancarkan dalam medium internet seperti platform
- Over The Top* (OTT) atau seumpamanya; dan jangka masa pemantauan secara intensif adalah untuk tempoh **14 hari** berturut-turut yang ditentukan oleh pemilik hak cipta

Program CyCORE ini telah melalui beberapa siri pengujian bersama pemilik hak cipta filem dan mendapat sokongan serta maklumbalas yang positif dalam pelaksanaan program ini di mana ianya adalah berkesan untuk dilakukan serta dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil dari siri pengujian ke atas **lima belas (15)** filem yang telah menyertai program ini mendapati sebanyak **298** laman sesawang telah diseat dan sebanyak **1,418** penurunan kandungan telah berjaya dilaksanakan sejak tahun 2021.

Melalui program ini juga, pemilik hak cipta diberi tunjuk ajar dan pemahaman berhubung peranan mereka untuk membuat pengaduan sendiri dengan melaporkan terus pelanggaran hak cipta filem mereka kepada platform media sosial atau platform e-dagang seperti Facebook, Instagram, Youtube, Telegram, Lazada dan Shopee yang menyiarkan atau menjual karya filem mereka tanpa kebenaran di platform berkenaan. Ini kerana platform e-dagang dan media sosial ini mempunyai Polisi Harta Intelek masing-masing yang akan sentiasa bekerjasama dan membantu pemilik hak cipta dalam menurunkan mana-mana kandungan yang melanggar hak harta intelek.

Selain itu, pihak Kementerian juga melaksanakan profiling jenayah kepada mana-mana pihak yang disyaki secara aktif melakukan kesalahan pengedaran cetak rompak filem digital di bawah peruntukan Akta Hak Cipta 1987 agar tindakan yang lebih tegas dapat diambil ke atas mereka yang terlibat. Mana-mana pihak yang didapati bersalah boleh didenda tidak kurang daripada RM 2,000.00 dan tidak lebih daripada RM 20,000.00 bagi setiap salinan langgaran, atau penjara suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya Program Cyber Copyright Enforcement atau CyCORE ini, pihak Kementerian berharap agar penerbit-penerbit filem tempatan atau pemilik hak cipta filem tempatan mengambil peluang dengan menyertai program ini apabila mereka berhasrat menayangkan filem-filem mereka secara digital melalui medium internet buat pertama kali bagi membolehkan pihak Kementerian bersama-sama rakan strategik yang lain dapat bersama-sama pemilik hak cipta filem bertindak secara bersepadu dalam melindungi hak harta intelek mereka daripada dieksploitasi secara haram yang akan merugikan pemilik karya filem tersebut.

Mana-mana pihak yang memerlukan maklumat lanjut berhubung program ini atau ingin menyertai program ini bolehlah menghubungi **Unit Hak Cipta dan Cakera Optik, Bahagian Penguat Kuasa** di talian **03-8882 6157** atau melalui e-mel **cycore@kpdnhep.gov.my**.

MEMBAWANG

cetak rompak di bawah Akta Hak Cipta 1987, wajar dikaji semula.

Kerajaan perlu menggandakan denda supaya orang ramai lebih takut dan menjadi penghalang kepada penjenayah dari mengulangi perbuatan mereka. Pihak berkenaan juga perlu menghebahkan hukuman terbabit sebagai amaran.

Justeru itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Bahagian Penguat Kuasa telah mewujudkan satu mekanisme iaitu Program Cyber Copyright Enforcement (CyCORE) bagi membanteras jenayah pelanggaran hak cipta filem digital atau cetak rompak filem digital dalam medium internet.

Program CyCORE merupakan satu kaedah terancang yang dikhususkan untuk penerbit-penerbit filem tempatan atau pemilik-pemilik hak cipta filem tempatan agar dapat bekerjasama dengan lebih daripada 50 rakan-rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan, platform e-dagang dan Penyedia Perkhidmatan Internet (Internet Service Provider-ISP) yang diselarasakan oleh pihak Kementerian dalam satu platform bagi mencegah kegiatan cetak rompak filem digital dalam talian.

Program ini dilaksanakan melalui kaedah tindakan sekatan laman sesawang (website blocking) dan penurunan kandungan (content removal) yang menjadi kaedah yang paling pantas dan berkesan dalam melumpuhkan aktiviti pengedaran cetak rompak filem digital dengan kerjasama rakan-rakan strategik tanpa melibatkan institusi Kehakiman. Melalui program ini, sasaran tindakan sekatan laman web atau penurunan kandungan adalah dalam tempoh 48 jam dari makluman oleh pemilik hak cipta filem tempatan yang menyertai program ini kepada Kementerian.

CYBER COPYRIGHT ENFORCEMENT (CyCORE)



WAWANCARA

JANUARI & FEBRUARI 2022 **6**

K • A • P • S • U • L
PENGUNA

“PEMULIHAN PASCA BANJIR: TAHU HAK PENGGUNA, ELAK TERANIAYA”

Banjir yang melanda beberapa negeri termasuk yang terburuk antaranya di Selangor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak sejak akhir 2021 hingga awal tahun ini menyaksikan ribuan kehilangan tempat tinggal dan kemusnahan harta benda. Pastinya pada pasca pemulihan banjir ketika ini, ramai mangsa sedang berusaha bangkit semula untuk meneruskan kehidupan. Kenderaan, perkakasan elektrik, perabot, pakaian yang rosak ditenggelami banjir dan diselaputi lumpur perlu dibaiki atau diganti baharu. Ia secara tidak langsung pastinya menyebabkan lonjakan permintaan yang dijangka mempengaruhi kestabilan harga barangan dan perkhidmatan berkaitan ketika ramai mangsa yang terjejas akibat musibah banjir mula merencanak keperluan rumah baharu. Apa peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam isu ini? Timbalan Menteri KPDNHEP, Dato' Rosol Wahid bersama Ruang Bicara Bernama TV untuk berkongsi input menerusi diskusi bertajuk “Pasca Banjir: Tahu Hak Pengguna, Elak Teraniaya”.

1. Sejak akhir tahun lalu beberapa negeri dilanda banjir teruk yang menyebabkan ribuan kehilangan tempat tinggal dan mengalami kemusnahan harta benda, malah ada yang tinggal sehelai sepinggang apabila rumah ranap dihanyutkan banjir. Dalam fasa pemulihan banjir bagi kebanyakan mangsa ketika ini, mereka sedang mahu bangkit semula menjalani hidup dan sudah pasti banyak keperluan baharu perlu dibeli untuk menggantikan yang hilang atau yang rosak akibat dihanyut banjir. Di sini dapat dilihat akan berlaku peningkatan permintaan terhadap barangan keperluan seperti perabot, pakaian, alat ganti dan khidmat membaiki kenderaan, perkakasan elektrik dan sebagainya. Bagaimana KPDNHEP mahu pastikan dalam keadaan rakyat dalam situasi pemulihan banjir ini mereka tidak tertekan dengan kenaikan harga barangan seperti dikatakan tadi.

◇ Berdasarkan faktor asas ekonomi terbuka seperti di Malaysia, apabila permintaan terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan itu meningkat, maka ia akan mempengaruhi kestabilan harga dan ia tidak terkecuali



KPDNHEP memantau harga barangan ini bagi pastikan peniaga tidak ambil kesempatan ketika ramai mangsa banjir dalam kesempitan dan mahu bangkit memulakan kehidupan.

- ◇ Jadi sekiranya pengguna pergi ke premis ini dan dapati berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah, segera laporkan kepada KPDNHEP bagi membolehkan siasatan dilakukan.
- ◇ Ops Cakna ini adalah kepekaan dan tindakan proaktif KPDNHEP terhadap situasi pengguna terutama mangsa banjir yang ibarat mahu memulakan kehidupan baru dan pastikan peniaga tidak ambil kesempatan dalam situasi pemulihan banjir ini.

2. Setakat ini bagaimana perkembangan Ops Cakna ini? Adakah terdapat peniaga yang dikenakan tindakan kerana cuba menaikkan harga dan mengambil kesempatan dalam situasi sukar ini?

- ◇ Sejak Ops Cakna dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2022 sehingga kini (dalam tempoh dua minggu) penguatkuasa

tidak berlaku.

- ◇ Kenyataan-kenyataan seperti ini boleh menimbulkan panik di kalangan masyarakat dan berharap kerjasama persatuan-persatuan untuk lebih bertanggungjawab dalam setiap kenyataan yang dibuat bagi mengelak keresahan komuniti pengguna.
- ◇ Bagaimanapun, KPDNHEP tidak mengambil mudah setiap isu seumpama ini dan mengambil langkah segera dalam menanganinya di bawah perundangan yang ada di bawah KPDNHEP seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

4. Kita tahu KPDNHEP ini bukan saja bertanggungjawab dalam menjaga hak pengguna, tetapi juga kelangsungan peniaga. Banjir baru-baru ini juga menjejaskan golongan peniaga yang turut alami kerugian kerosakan barang perniagaan. Jadi bagaimana untuk kementerian mengimbangi antara kepentingan menjaga hak pengguna dan dalam masa sama memastikan kelangsungan peniaga.

- ◇ Laporan hari ini menyebut kajian impak banjir oleh

meningkatkan kestabilan harga dan ia tidak terkecual terhadap barangan seperti perabot, perkakasan elektrik, alat ganti kenderaan, khidmat bengkel kenderaan yang mendapat permintaan tinggi pada pasca banjir ini.

- ◊ Dalam pada penguat kuasa membuat pemantauan dan pemeriksaan keberadaan dan harga barangan makanan asas setiap hari di lapangan, dalam masa sama kita turut pantau harga barangan yang disasarkan mendapat permintaan tinggi pasca banjir iaitu meliputi barang keperluan isi rumah seperti perabot, barangan elektrik, pakaian, alat ganti kenderaan, malah khidmat bengkel baiki kenderaan juga.
- ◊ Bagi memelihara kepentingan pengguna dan mengelak peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga ketika permintaan terhadap barangan ini meningkat, KPDNHEP menggerakkan Ops Cakna bermula 1 hingga 31 Januari 2022.
- ◊ Menerusi Ops Cakna fokus pemeriksaan dan penguatkuasaan ialah di kedai elektrik, kedai perabot, kedai pakaian, kedai alat ganti kenderaan dan bengkel kenderaan bagi mengelak manipulasi harga oleh pengguna susulan daripada bencana banjir.
- ◊ Walaupun perabot, perkakasan elektrik, alat ganti kenderaan dan khidmat bengkel baiki kenderaan ini bukan barang kawalan, tetapi menerusi Ops Cakna

telah membuat pemeriksaan di hampir 300 premis membabitkan pemeriksaan harga hampir 1,000 barangan.

- ◊ 273 Notis Pengesahan Maklumat Barangan telah dikeluarkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Peniaga yang menerima notis tersebut perlu mengemukakan maklum balas, dokumen dan maklumat secara terperinci harga jualan dan kos barangan bagi memudahkan siasatan dijalankan untuk menentukan sama ada wujud unsur pencatutan dan mengambil untung berlebihan atau tidak.

3. Bercakap mengenai bengkel membaiki kenderaan, sebelum ini (tahun lalu) kita ada mendengar ura-ura mengatakan harga alat ganti kenderaan akan naik. Apa tindakan KPDNHEP terhadap isu ini?

- ◊ Isu kenaikan harga barang memang perkara yang sensitif kepada rakyat dan KPDNHEP sentiasa bertindak proaktif terhadap aduan-aduan mengenai kenaikan harga barang termasuklah alat ganti kenderaan.
- ◊ KPDNHEP telah melaksanakan libat urus dengan pihak persatuan automotif yang membuat kenyataan jangkaan kenaikan harga alat ganti kenderaan ini, tetapi apabila kita minta bukti mereka kata ia hanya andaian sahaja.
- ◊ Begitu juga dengan dakwaan mengatakan pihak industri akan menyorok bekalan kerana mahu menaikkan harga, tetapi mereka gagal beri bukti dan setakat ini perkara ini

keseluruhan akibat bencana itu mencecah angka sehingga RM6.6 bilion.

- ◊ Laporan hari ini menyebut kajian impak banjir oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan anggaran kerugian keseluruhan akibat bencana itu mencecah angka sehingga RM6.5 bilion.

ia meliputi:

- Tempat kediaman RM1.2 bilion hingga RM1.4 bilion;
- Premis perniagaan RM500 juta hingga RM600 juta,
- Kenderaan RM1.0 bilion hingga RM1.3 bilion;
- Pertanian RM40.9 juta hingga RM49.9 juta;
- Pembuatan RM800 juta hingga RM1.0 bilion; dan
- Aset awam & infrastruktur RM2.0 bilion.

- ◊ Kerajaan menyalurkan pelbagai bantuan untuk mangsa banjir termasuklah bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang terkesan.

Antaranya termasuklah bantuan wang ihsan untuk isi rumah dan penangguhan bayaran balik atau ansuran pinjaman perumahan, hartanah, kenderaan, kad kredit serta pinjaman peribadi sehingga enam bulan.

K.A.P.S.U.I PENGGUNA

JANUARI & FEBRUARI 2022

7

WAWANCARA

- ◊ Pembiayaan Kewangan Peribadi tanpa faedah sehingga RM5,000 oleh Bank Simpanan Nasional (BSN), RM100 juta diperuntukkan bagi tujuan ini untuk meringankan beban mangsa- mangsa banjir membeli peralatan dan kelengkapan rumah yang musnah akibat bencana. Moratorium (rehat bayaran) 6 bulan pertama ke atas pembayaran ansuran bulanan dan terbuka kepada mangsa - mangsa banjir di seluruh negara.
- ◊ RM30 juta untuk Pinjaman Pemulihan Banjir Pembiayaan bagi PKS mikro yang terkesan. Bagi pinjaman sehingga RM10,000, tiada kadar faedah dikenakan dan moratorium bayaran balik diberikan untuk 12 bulan.
- ◊ Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah mengumumkan kemudahan pembiayaan sebanyak RM200 juta yang disediakan untuk PMKS yang terjejas melalui Kemudahan Bantuan Bencana 2022 (Disaster Relief Facility, DRF 2022).
- ◊ KPDNHEP menerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pula akan menggantikan semula Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan pemilik perniagaan yang musnah akibat banjir secara percuma.
- ◊ Baru-baru ini juga YB Menteri menyampaikan sumbangan SSM berjumlah RM100,000 kepada usahawan golongan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan banjir.
- ◊ Kerajaan menerusi kementerian melaksanakan langkah penyelesaian sementara dan merangka penyelesaian jangka panjang yang sudah tentu mengambil sedikit masa kerana melibatkan beberapa kementerian lain.
- ◊ Inisiatif jangka pendek ialah melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (7 Disember 2021 – 4 Februari 2022).
- ◊ Program Jualan Keluarga Malaysia (telah diadakan di 274 lokasi/ nilai jualan RM7.8 juta dan rekod pengunjung hampir 500,000
- ◊ Melaksanakan operasi khas seperti Ops Sayur, Ops Minyak, Ops Pasar, Ops Menu, Ops Cakna untuk tangani peniaga tidak beretika.

5. Dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan terbaik

- ◊ Membuat perbandingan harga barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan.
- ◊ Meminta resit untuk setiap transaksi yang dibuat.

6. Bagaimana pula jika pelanggan atau pengguna itu sudah memastikan perihal harga dan upah yang akan dikenakan dan bersetuju dengan sebut harga yang dinyatakan. Sebagai contoh, Abu hendak membaiki motosikal yang rosak dan telah bersetuju dengan sebut harga berjumlah RM400 yang dikenakan oleh peniaga untuk menukar alat ganti. Bagaimanapun, tidak sampai dua hari motosikal itu dibaiki, berlaku kerosakan lalu menyebabkan Abu tidak berpuas hati dengan khidmat bengkel kenderaan itu lalu ingin menuntut ganti rugi atau pulangan wang. Apakah yang boleh dilakukan oleh Abu?

- ◊ Dalam isu ini, langkah pertama perlu diambil Abu ialah berunding dengan pemilik bengkel untuk menangani masalah yang timbul. Ini adalah kerana Seksyen 32, 53 & 54 Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] memberikan jaminan bahawa sesuatu barang atau perkhidmatan yang diberikan hendaklah mematuhi kualiti yang boleh diterima iaitu bagi alat ganti dan perkhidmatan pembaikan motosikal tersebut supaya ia berfungsi seperti sediakala, kemas, selamat digunakan dan tahan lama dengan munasabah.
- ◊ Bagaimanapun, jika pengusaha bengkel enggan bekerjasama atau bertanggungjawab, Abu boleh memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).
- ◊ Tarikh perbicaraan akan ditetapkan di mana pihak-pihak yang terbabit akan kemukakan bukti seperti dokumen yang berkaitan.
- ◊ Setelah menilai bukti dan undang-undang sedia ada, mahkamah TTPM akan mengeluarkan suatu award kepada pihak-pihak dalam tindakan.
- ◊ Sekiranya award memihak kepada Abu dan penentang (pemilik bengkel) gagal atau enggan mematuhi arahan dalam award itu, penuntut (Abu) boleh terus membuat aduan ke Bahagian Penguatkuasa untuk tindakan di bawah Seksyen 117 Akta Perlindungan Pengguna 1999.

barangan kelengkapan rumah seperti perabot, perkakasan elektrik selain alat ganti kenderaan, barangan ini dipantau harganya menerusi Ops Cakna, bagaimana dengan usaha Kementerian menangani isu kenaikan harga barangan makanan asas terutama yang sentiasa menjadi sebutan rakyat seperti ayam, telur, hasil laut dan sayuran.

- ◊ Kementerian sentiasa mengadakan libat urus dengan pemain industri dan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk menangani isu harga barangan makanan ini.
- ◊ Kementerian memandang serius isu harga barang yang meresahkan pengguna dan menggerakkan penguatkuasaan yang agresif untuk pastikan kecukupan bekalan dan kestabilan harga barangan di pasaran terutama mengatasi peniaga tidak beretika yang cuba mengaut untung berlebihan dan meletakkan harga yang tidak munasabah.
- ◊ Namun dalam masa sama kementerian juga perlu berlaku seimbang dengan peniaga kerana kenaikan harga barangan asas seperti ayam kebelakangan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti peningkatan harga makanan ayam, peningkatan kos pengeluaran dan logistik, kejatuhan nilai ringgit, kekurangan tenaga kerja dan sebagainya.

8. Untuk tahun 2022 ini, dengan pelbagai cabaran seperti pandemik, musibah banjir dan harga barangan yang tidak stabil, apakah yang akan diberi fokus oleh kementerian?

KPDNHEP akan meneruskan program-program bersifat rakyat 'centric' seperti Community Drumming, Program Penyeragaman Harga, Program Rasionalisasi Minyak Masak, Program Pembangunan Francais (mencipta permintaan dan

pada harga munasabah contohnya bagi khidmat membaiki kenderaan, perkakasan elektrik dan sebagainya, bagaimana pengguna perlu memainkan peranan untuk memastikan mereka memperoleh keseimbangan antara mendapatkan barangan dan khidmat terbaik dengan harga yang juga baik.

- ◊ Memandangkan harga barang gantian kenderaan tidak dikawal, pemilik kenderaan dinasihatkan untuk membuat perundingan dan perbandingan harga barangan gantian/perkhidmatan pembaikan terlebih dahulu sebelum bersetuju untuk mendapatkan perkhidmatan.
- ◊ Pengusaha bengkel tertakluk kepada pematuan perundangan di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002 dan penandaan harga di bawah AKHAP 2011. Pengusaha bengkel wajib mempamerkan senarai perkhidmatan dan alat ganti yang ditawarkan untuk dijual kepada pengguna lengkap dengan maklumat harga.
- ◊ Pastikan setiap barangan dan perkhidmatan mempunyai penandaan harga yang jelas. Jika premis itu tidak pameran harga, maka ia satu kesalahan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan pengguna boleh buat laporan kepada KPDNHEP untuk diambil tindakan.
- ◊ Memastikan setiap iklan yang dipamerkan berkaitan barangan dan perkhidmatan tidak mengelirukan.
- ◊ Memastikan semakan harga dibuat ke atas barangan dan perkhidmatan sebelum bersetuju dengan apa-apa pesanan dan perkhidmatan.

◊ Kegagalan untuk penentang (pemilik bengkel) mematuhi award TTPM adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 117 Akta Perlindungan Pengguna 1999.

◊ Peruntukan mengikut Subseksyen 117 (1) Akta Perlindungan Pengguna 1999, Orang Kena Sama (penentang/pemilik bengkel) boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM10,000 atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

7. Di awal tadi Dato' ada nyatakan penguatkuasa Kementerian turun ke lapangan setiap hari untuk memantau harga barangan makanan asas. Jika untuk

sumber pendapatan dan pekerjaan baharu).

Pemulihan cabaran pandemik dan banjir menerusi sumbangan Food Bank dan Skuad Sukarelawan Banjir KPDNHEP.



KPDNHEP KOMITED PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA BARANG DI SARAWAK

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal pengguna (KPDNHEP) sentiasa berusaha memastikan program penyeragaman harga di Sabah dan Sarawak dilaksanakan dengan berkesan. Kerajaan turut menanggung kos pengangkutan daripada pembekal ke kawalan pedalaman terpilih untuk tujuh barangan keperluan bersubsidi/ kawalan bagi meringankan beban kos sara hidup penduduk di kawasan berkenaan.

Baru-baru ini, YBhg. Datuk Seri KSU telah mengadakan satu lawatan kerja ke Ba'kelalan, Lawas, Sarawak bagi meninjau pos program penyeragaman harga dan sempadan. Lawatan kerja ini turut

Sesi dialog antara Ketua Masyarakat Ba'kelalan dan Kementerian merupakan satu peluang kepada Kerajaan untuk memahami isu-isu berkaitan harga dan bekalan yang dihadapi oleh penduduk tersebut dengan lebih mendalam. Kementerian berpeluang memberi penerangan terperinci secara bersemuka kepada penduduk Ba'kelalan yang kurang jelas mengenai tatacara pelaksanaan program, tanggungjawab Point of Sales dan tindakan pelaporan sekiranya terdapat isu berkaitan program.

Semua maklumbalas dan pandangan penduduk juga sangat dihargai dan diambil kira bagi

di hadir oleh Pengarah KPDNHEP Negeri Sarawak, Timbalan Pengarah Penguatkuasa of Sales Program Penyeragaman Harga juga, Kementerian turut mendapatkan maklumbalas daripada pemilik *Point of Sales* mengenai perkhidmatan Transporter, bekalan dan harga jualan.

Barang keperluan di Bakelalan dijual pada harga yang tinggi disebabkan kos penghantaran yang mahal memandangkan perjalanan Lawas ke Ba'kelalan perlu melalui jalan balak. Bekalan barangan di Lawas diperolehi daripada Miri serta Sipitang dan Kota Kinabalu, Sabah. Kementerian juga melihat sendiri keperluan kemudahan di Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Cawangan Lawas yang perlu ditambahbaik. Selain itu, pertambahan pegawai penguatkuasa juga diperlukan bagi memastikan aktiviti Penguatkuasaan dijalankan dengan lebih menyeluruh dan berkesan berdasarkan skop tugas di cawangan tersebut.

Lawatan YBhg. Datuk Seri KSU ke Ba'kelalan dan Lawas telah berjalan dengan lancar dan memenuhi objektif yang ditetapkan khususnya dalam aspek memahami isu Program Penyeragaman Harga yang dilaksanakan di kawasan pendalaman seperti Ba'kelalan. Kementerian juga lebih memahami implikasi positif program ini kepada penduduk kawasan pendalaman seperti Ba'kelalan yang sangat berterima kasih kepada Kerajaan dan mengharapkan supaya Program Penyeragaman Harga di teruskan dengan bantuan diperluaskan kepada barangan lain seperti bahan binaan bagi meringankan beban kewangan mereka.

Lawatan ke "Point Of Sale" Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* (Program Penyeragaman Harga) di Martin Pengiran Kawasan pengedaran Long Muda Pemantauan ini adalah untuk memastikan POS menerima bekalan dan tiada putus bekalan serta stok penyimpanan yang selamat dan teratur.

Dapatan daripada tinjauan tersebut juga menunjukkan POS menerima bekalan pada bulan November dan kuota penghantaran barangan bagi bulan Disember 2021 diterima lebih awal bagi mengelak pembayaran di bawah AP58(a) dan buku stok juga diselenggara dengan baik. Papan tanda bekalan dan harga telah dipamerkan di POS untuk maklumat orang ramai dan mempunyai tempat penyimpanan stor CD dan LPG yang selamat dan teratur.

YBhg. Datuk Seri KSU berkesempatan menyampaikan sumbangan kepada keluarga mendiang Sylvester Markus (Pemandu Kenderaan R3/4) di Pejabat KPDNHEP Cawangan Limbang bagi menghargai jasa atas perkhidmatan mendiang di Pejabat KPDNHEP Cawangan Limbang.

menambahbaik pelaksanaan program di kawasan-kawasan pendalaman. Melalui lawatan ke *Point of Sales* Program Penyeragaman Harga juga, Kementerian turut mendapatkan maklumbalas daripada pemilik *Point of Sales* mengenai perkhidmatan Transporter, bekalan dan harga jualan. Barang keperluan di Bakelalan dijual pada harga yang tinggi disebabkan kos penghantaran yang mahal memandangkan perjalanan Lawas ke Ba'kelalan perlu melalui jalan balak. Bekalan barangan di Lawas diperolehi daripada Miri serta Sipitang dan Kota Kinabalu, Sabah. Kementerian juga melihat sendiri keperluan kemudahan di Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Cawangan Lawas yang perlu ditambahbaik. Selain itu, pertambahan pegawai penguatkuasa juga diperlukan bagi memastikan aktiviti Penguatkuasaan dijalankan dengan lebih menyeluruh dan berkesan berdasarkan skop tugas di cawangan tersebut.



NASI LEMAK 60 SEN!

By Noorhaliza Abu Bakar, AKPK

Sambil menghirup kopi panas buatan sendiri pada petang yang dingin tatkala hujan berterusan semenjak pagi, teringat aku peristiwa kami dua beradik bermandikan hujan sambil mengerat daun pisang. Daun pisang yang digunakan oleh emak untuk membungkus nasi lemak. Seperti selalunya, abah membawa kami pulang ke kampung untuk mengutip kelapa, daun pandan, daun pisang, dan pucuk-pucuk kayu. Kami melalui kehidupan yang serba sederhana dengan pendapatan abah sebagai anggota polis. Emak membantu abah menambah pendapatan dengan berniaga kecil-kecilan. Ketika itu, sebungkus nasi lemak emak berharga 60 sen. Sebiji kuih pula berharga 20 sen. Waktu itu, harga tepung 90 sen sekilo, minyak masak RM1.10 sekilo, santan kelapa RM3.00 sekilo, dan daun pandan atau daun pisang hanya 50 sen seikat. Tapi, itu harga barangan 18 atau 20 tahun dahulu. Emak tidaklah pakar dalam ekonomi, namun dia boleh faham kalau harga barang naik. Panjang muncung mulut emak sebaik sahaja balik dari pasar, membebel kalau harga bawang lebih mahal 10 sen dua. Pengguna seperti emak (peniaga) sememangnya terkesan kalau harga barang mentah naik.



Pada era 1990an, inflasi kekal berada pada paras 3% kecuali pada 1997 dan 1999 (Laporan Bank Negara Malaysia). Kini, harga barangan tentunya lebih tinggi, namun terkawal. Setakat artikel ini ditulis, tepung gandum, gula, dan minyak masak telah diisytiharkan sebagai barangan kawalan. Dari segi ekonomi, perbezaan harga ini sememangnya berada dalam putaran Indeks Harga Pengguna yang mana Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur kos purata pembelian sekumpulan barangan dan perkhidmatan yang dibuat oleh sekumpulan penduduk tertentu di kawasan bandar dan di luar bandar merentas satu tempoh masa. IHP dikira mengikut 4 zon untuk Semenanjung Malaysia (utara, tengah, selatan dan timur) dan digabungkan dengan Sabah dan Sarawak untuk menghasilkan indeks Malaysia. Indeks Malaysia ialah indeks komposit yang berdasarkan wajaran perbelanjaan daripada indeks ketiga-tiga wilayah tersebut. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, inflasi dalam negeri juga dipengaruhi oleh perkembangan di luar negeri.

Berdasarkan pengalaman serta pengamatan aku dalam mengharungi kehidupan, era perubahan ekonomi itu akan tetap berlaku. Namun, pokok pangkalnya ialah bagaimana kita menanganinya. Kita tidak mampu mengawal lonjakan harga barangan dan perkhidmatan. Namun, kita pasti dapat mengawal dan menguruskan perbelanjaan isi rumah. Sejak dari kecil, kami telah diterapkan untuk berjimat cermat, bersederhana, dan menabung. Makan apa yang enak masak tanpa banyak soal dan kami amat jarang makan di luar, jauh sekali berhibur. Kerap juga enak berpesan agar membeli setakat yang hendak dipakai dan dimakan terutamanya bila kami berjauhan dari enak dan abah kerana menyambung pengajian.

Aku kagum dengan cara enak mengawal perbelanjaan. Anak seramai tujuh orang dengan pendapatan abah yang di bawah RM1,000 sebulan, enak masih mampu menyediakan segala keperluan kami dengan sempurna. Falsafah hidup enak sangat mudah—apa sahaja yang kita hendak lakukan, lihat dahulu kemampuan. Kaji di mana untung dan ruginya kita. Abah pula sangat berdisiplin dalam bab menyimpan wang. Ketika aku mendaftar sebagai pelajar untuk ijazah pertama, abah serahkan buku simpanan Tabung Haji aku yang disimpannya semenjak aku kecil. Abah buat potongan gaji bulanan untuk kami 3 beradik (along, aku, dan alang) sebanyak RM10.00 seorang.

“**Apa sahaja yang kita hendak lakukan, lihat dahulu kemampuan; kaji di mana untung dan ruginya kita**”

Hari ini, siapa pun diri kita, di mana kita berada, waima berapa sekalipun pendapatan kita, kita harus mensyukuri apa yang kita ada. Hiduplah secara bersederhana. Menabung untuk sesuatu yang tidak kita jangka seperti faktor ekonomi yang mungkin menggugat kerjaya dan pendapatan kita, tahap kesihatan yang kian menurun seiring dengan penambahan usia, dan yang pasti kematian yang tidak pasti bila. Ramai yang tidak pernah merancang untuk gagal, namun ramai yang gagal untuk merancang!



Baru-baru ini saya ada membeli sebuah almari baju secara online. Walaubagaimanapun barang yang diterima tidak seperti gambar yang diiklankan. Adakah akta yang terdapat di KPDNHEP bagi iklan-iklan yang mengelirukan pengguna?

Kamalluzaman, Kuala Lumpur

Kementerian ini memberi perhatian serius terhadap isu-isu yang melibatkan perihal dagangan dan pernyataan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan juga perkhidmatan. Iklan yang mengandungi maklumat tidak tepat/tidak benar dalam bentuk perlakuan, representasi, pernyataan/perbuatan yang boleh mempengaruhi dan mendorong pengguna buat silap dalam keputusan membeli.

Peniaga yang mengeluarkan kenyataan/iklan palsu dan mengelirukan boleh disiasat di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

WAWANCARA

JANUARI & FEBRUARI 2022

10

K • A • P • S • U • L
PENGGUNA

PRICE ON THE RISE

Yunus Bin Tasim, the Head of Corporate Communication, KPDNHEP had appeared in an exclusive interview with the Malaysian National News Agency's television channel Bernama TV on 7 February 2022 at 12.00 noon.

In the interview entitled Price On The Rise!, he touched on issues related to the recent hike in the price of goods, especially essentials that has affected consumers directly and indirectly post Covid-19 pandemic.

Like it or not, escalating price of goods is indeed a global phenomenon. Inflation is on the rise everywhere. Malaysia is not spared definitely.


Malaysians especially netizens expected the Government to impose price control on almost all goods. For them, this measure will solve all Malaysian problems.

However, to maintain the economic balance in Malaysia, all Malaysians including netizens should understand what constitutes or why price of goods is escalating.

This world is inter-dependent; we are relying on each other. None can stand alone. We may produce our goods, but if the input or raw materials are imported, then the whole production cost will be escalated if the price of those imported materials increase or in high demand.

Department of Statistic of Malaysia (DOSM) in their report in December 2021 said the Producer Price Index has increase 12%. What does it mean, the cost to produce a product had increased at a factory level. If the cost was RM1 last time, now it is RM1.12sen. The transportation and marketing cost are not yet included.

PRICE CONTROL



Should we impose a price control as demanded by the netizens? At What price?

Lets consider this scenario. If the government imposes price control at the price that netizens want, then the producers cannot produce at that price. Rather than suffering loss, they would rather close and leave the business. 4 things will happen:

- i. No supply of that goods in the market
- ii. We have to import that goods and chances are, the price is higher
- iii. No ultimate control of the cleanliness especially the halal aspect
- iv. More unemployment due to mass retrenchment

Then the netizens will argue why don't government subsidize the gap from the controlled price and the cost of production. The question is, is the government job purely subsidizing controlled goods? Then there will be no end. Government end up spending much of the budget for operation and very much less for the development for the wellbeing of the country and rakyat.

HYBRID APPROACH

We need a hybrid approach. There will be certain essential items that Government will control its price for the benefits of the public at large. The price of the majority of the goods will be determined through market forces based on supply and demand.

That is the free economy system adopted by the government since independence. Don't think we need to change that as it is proven effective for the health of economy and competitiveness.

However, due to the price control of some essential items, government subsidises some of the cost or by means of its related cost like transportation.

Example for this is Petrol RON95, Diesel, Pure Cooking Oil, Flour for general use, LPG 14kg, Sugar, Rice and others which Government has been doing since 2009 under the Program Penyeragaman Harga.

SKIM HARGA MAKSIMUM

Skim Harga Maksimum is another mechanism that the government uses when we anticipate the demand of certain items is going to be increased due to festivals.

Free economy says, when the demand increases while supply stays, the price will escalate. Thus, to ensure, public from all walk of life is able to celebrate the festivals, the price of items used by that festival will be controlled for certain period of time. It has been done successfully for the last 20 years and it works.

When all sectors of the economy are re-opened after the covid19 curve is flatten, we notice the demand of many things increased abruptly while the raw materials are in demand and scarce. Thus, the government decided to implement similar price control mechanism for specific period.

Since this situation still persists, demand is higher than supply, the Government will extend until the next big festivals example like Hari Gawai and Pesta Kaamatan on 5 June 2022.

There are so many tantrums from netizens when YAB Prime Minister's Media Statement mentioned about the price of Chicken at RM8.90 per kilogram for Semenanjung while the price of eggs stays as per *Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia*.

CONFUSION

What is really happening? The tantrums are mainly due to the misunderstanding and to certain

extent it is political and irrational work done by cyber-troopers. There were 3 landmark discussions taken place, which were 1) Discussion between KPDNHEP and MAFI 2) Engagement with Producers of Chicken and Eggs and 3) NACCOL meeting chaired by YAB Prime Minister.

Originally the Producers of chicken demanded the cost of chicken x-farm or sold to wholesalers is to increase from RM6.10 per kg to RM6.70 per kg. That increase at farm level will cause the chicken to be sold to consumers at RM10.00 or more per kilo from the existing RM9.10 per kilo.

Thus when the Prime Minister himself decided the chicken must be sold to consumers at RM8.90 per kilo. It is not from RM9.10 to RM8.90 or reduced by RM0.20 sen as viral by cyber-troopers and netizens.

In order for chicken to be sold at RM8.90, the price at farm level may be at RM5.70 per kg. Thus we should ask who will pay the difference between the price the producers asked RM6.70 per kg and the price that the government requested RM5.70 per kg?

Again it is the government has to bear that cost. And the government has to fork out subsidies that will reduce the price of the chicken at farm level, so that producers, wholesalers and retailers have a decent margin to continue supply and sell the chicken.

And this is not a meagre RM0.20sen but at least RM1.00 per kg. Imagine if a single Malaysian consume 50 kg chicken per month, that means 600 kg per year and we could calculate how much Government has to prepare entire Malaysians. Its enormous and more than RM500 million.

RESET MALAYSIA

Lets reset and rebuild Malaysia. Malaysians, disregard of creed, religion and economic strata has to wake up and face the reality. This is a very unusual and unprecedented time and situation. It's a global phenomenon. Thus every one of us has to play our part, and play our part rationally and with the conviction of a true patriotic Malaysians.

The market force will make adjustment or correction to the price based on demands and supply. We want a situation of balanced price or *Harga Seimbang* where consumers pay an affordable price and at the same time producers and retailers earn a decent margin to ensure they will continue to be able to produce and provide supply and continue to provide jobs to Malaysians.

Malaysian Consumers should be matured to be SMART CONSUMERS where consumers as a whole could control the demand by means of their purchasing behaviour ie buy what they want, buy where they want and buy when they want.

Consumers should not be subjected by and fanatic on certain products or brand but more of quality and value. They could easily shift to other alternative products or brands if that particular brand is no longer provide them with quality and affordable prices.

Smart consumers should balance in their spending, for their daily living needs, not based on their wants and for life styles all the time. In trying moments, priority is for daily living needs and this thought is what in the Government as well.

Once our consumers have this quality, demand will never exceed supply and thus price will make its own adjustment through the market force.

KPDNHEP SELANGOR RAMPAS 402 TONG LPG



Shah Alam, 27 Januari 2022 — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menyita 402 unit tong gas petroleum cecair (LPG) menerusi satu serbuan ke atas sebuah premis di Banting, Kuala Langat pada Selasa lalu.

Pengarah KPDNHEP Selangor Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan pada jam 2 petang itu dijalankan oleh sepasukan penguat kuasa daripada Unit Serbuan dan Taktikal (STAS) KPDNHEP Selangor hasil maklumat risikan. "Hasil serbuan, pasukan menyita 402 unit tong gas yang mana 201 berisi, manakala selebihnya kosong.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati premis berkenaan memiliki lesen runcit yang sudah tamat tempoh sah iaitu pada 9 Januari 2020.

Katanya, pasukan serbuan turut menahan seorang lelaki yang berada di sekitar premis dipercayai pekerja ketika serbuan dijalankan.

Siasatan boleh dilaksanakan kerana disyaki melakukan suatu kesalahan mengikut Akta

MELANGGAR SYARAT LESEN MENJUAL MINYAK DIESEL KPDNHEP PULAU PINANG AMBIL TINDAKAN



Bukit Tengah, 27 Januari 2022- Pada 26 Januari 2022 yang lepas, tindakan telah diambil keatas sebuah stesen minyak dan pemilik lori atas risikan yang telah dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Pulau Pinang. Hasil risikan mendapati stesen minyak tersebut telah melanggar syarat lesen yang mana menjual minyak diesel kepada pembeli yang tidak mempunyai surat kuasa atau permit sah bagi tujuan pembelian minyak diesel.

“Dua (2) tindakan kes telah dihasilkan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Sehubungan itu, nilai rampasan dan sitaan bagi kedua-dua kes hampir mencecah RM 52,520.00.”

Hasil pemeriksaan juga mendapati seorang lelaki telah diambil tindakan kerana gagal mengemukakan surat kuasa atau permit khas dan disyaki tiada surat kebenaran yang dikeluarkan oleh Pengawal Bekalan semasa pemeriksaan dilakukan.



KPDNHEP PAHANG KELUARKAN RM15,300 KOMPAUN

Pahang, 29 Januari 2022 - Sebanyak RM15,300 kompaun dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang sejak pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bermula 1 Januari lalu.

Ia membabitkan 76 kesalahan antaranya gagal meletakkan tanda harga bagi barangan terkawal, menjual barangan terkawal melebihi harga maksimum dan gagal meletakkan tanda harga jualan barangan.

KPDNHEP Pahang menerusi kenyataannya memaklumkan, sejak pelaksanaan SHMKM sebanyak 7,247 premis telah diperiksa melibatkan 108 pemborong dan 1,516 peruncit.

Turut dilaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2022 berkuat kuasa hari ini sehingga 4 Februari sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan bekalan dalam pasaran tidak terjejas.

KPDNHEP Pahang turut mengingatkan peniaga agar mematuhi peraturan di bawah skim tersebut bagi mengelak dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

KPDNHEP INGATKAN PENIAGA LUAR BANDAR PATUHI AKTA PERDAGANGAN

RAUB: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengingatkan peniaga kawasan luar bandar supaya jangan mengaut keuntungan dengan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya serta mengabaikan akta perdagangan sehingga menyusahkan pengguna.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam menegaskan, pejabat penguat kuasa kementerian itu di seluruh negara sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan mengejut bukan sahaja kawasan bandar malah di pinggir dan luar bandar.

"Pada tahun 2020, sebanyak 692,906 premis diperiksa dan daripada jumlah itu sebanyak 136,922 premis, iaitu 20 peratus terletak di luar bandar," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan pemeriksaan dan pemantauan khas di kawasan Ulu Sungai dan Cheroh berdekatan bandar Raub di sini hari ini.

KPDNHEP sentiasa memfokuskan kawasan luar bandar antara keutamaan pemantauan harga barang dan bekalan barang mencukupi untuk jaminan masyarakat pengguna luar bandar dapat menikmati keselesaan berbelanja tanpa tekanan kenaikan atau manipulasi harga di samping mudah memperoleh barang keperluan," katanya.

Azman menambah, penguatkuasaan dan pemantauan berterusan di kawasan luar bandar ini juga amat penting bagi memastikan peniaga di kawasan luar bandar terus mematuhi akta perdagangan yang telah dikuatkuasakan oleh pihak KPDNHEP.

"Saya menggalakkan masyarakat pengguna di luar bandar dapat menyalurkan maklumat dan membuat aduan sekiranya berlaku gangguan bekalan keperluan asas serta aktiviti peniaga yang menaikkan harga barang sesuka hati atau mencatut sehingga menyusahkan pengguna," katanya.

Jelasnya, pengguna boleh menyalurkan maklumat berhubung salah laku oleh peniaga kepada pihak KPDNHEP melalui saluran berikut: WhatsApp 0192794317; portal aduan kepada pihak kpdnhep.gov.my; Call Centre 1-800-886-800, e-aduan@kpdnhep.gov.my dan Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC), 03-8882 6088/6245.

jumlah itu 148,430 buah, iaitu sebanyak 17 peratus premis berada di kawasan luar bandar serta berterusan sehingga 28 Januari 2022, sebanyak 80,465 buah premis dilakukan pemeriksaan di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut sebanyak 19 peratus melibatkan 12,834 premis yang terletak di luar bandar telah dilawati oleh pegawai penguat kuasa KPDNHEP.

“ Kita mendapati tahap pematuhan oleh peniaga sangat baik dan dipuji kerana mematuhi akta perdagangan berasaskan bekalan barangan untuk keperluan harian pengguna stabil serta mencukupi khususnya persiapan bagi menyambut perayaan Tahun Baharu Cina minggu ini. ”

Cara penghantaran whatsapp ialah:

- 1) Taip Aduan Pengguna
- 2) Tekan hantar ke nombor **019 279 4317**
- 3) Anda akan terima respon (secara Auto Reply) dan perlu mengisi beberapa butiran seperti di bawah :

a) Nama
b) No.K/P
c) Nama Premis
d) Alamat Premis
e) Keterangan Aduan
f) Gambar Bukti (Sekiranya Ada)
g) Sekiranya Aduan Berkenaan Transaksi Dalam Talian
 Mohon Kemukakan Nama Bank Dan No Akaun Bank/
 No Transaksi FPX Yang Terlibat

Setelah selesai, sila taip TAMAT. Terima kasih.

**Hanya aduan melalui pesanan teks sahaja yang akan diproses.

Anda ada sebarang maklumat untuk dikongsi? ADUAN?

WhatsApp kepada KPDNHEP di talian

019 279 4317

Terima kasih kerana menghubungi KPDNHEP

f t @ KPDNHEP

PENIAGA DIINGAT TIDAK NAIK HARGA BARANG, TERTAKLUK AKTA KAWALAN

KUALA LUMPUR, 24 JAN: Peniaga diingatkan tidak sesekali melakukan perubahan harga yang tidak seiring dengan kenaikan kos ditanggung dan perlu munasabah dalam membuat sebarang perubahan harga jual supaya tidak membebankan pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata ini kerana peniaga tertakluk kepada peruntukan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Akta itu memperuntukkan bahawa peniaga tidak akan terlepas daripada dikenakan tindakan sekiranya perubahan harga yang dibuat menunjukkan kenaikan yang terlalu tinggi, mendadak dan mengambil untung secara tidak munasabah atau berlebihan," katanya dalam kenyataan semalam. Kenyataan Rosol itu dikeluarkan bagi menjelaskan kenyataan beliau di Kuching, Sarawak pada Jumaat lepas berhubung isu perubahan dan ketidakstabilan harga barang keperluan makanan ketika ini, yang turut memberi kesan kepada perniagaan makanan bermasakan.

Jelasnya, tiada istilah kerajaan memberi kebenaran kepada peniaga untuk menaikkan harga makanan dijual seperti dilaporkan, sebaliknya beliau menekankan mengenai penguatkuasaan Kementerian dalam isu kenaikan harga barang dan makanan.

"Maksud sebenar saya berhubung 'peniaga boleh naikkan harga asalkan tidak mencatut' adalah menerangkan maksud berikut iaitu, selaras dengan penguatkuasaan AKHAP 2011, peniaga boleh menentukan sendiri harga jual makanan kepada pengguna, termasuklah dalam membuat sebarang perubahan harga jual, tetapi tetap tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah AKHAP 2011, termasuk tidak mencatut.

"Sebagai negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka, harga barangan ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran. Begitu juga dalam isu harga makanan, yang peniaga boleh menentukan sendiri harga jual makanan kepada pengguna, termasuklah membuat sebarang perubahan harga jual," katanya.



Menurut Rosol, sekiranya Kementerian menerima aduan berhubung harga, peniaga yang diadu akan disiasat dan boleh dikenakan tindakan di bawah AKHAP 2011.

Katanya, pengguna yang berdepan salah laku peniaga termasuk yang cuba mengambil keuntungan berlebihan dan mencatut, diminta mengemukakan aduan kepada saluran aduan rasmi Kementerian bagi membolehkan siasatan dilakukan dan tindakan lanjut diambil.

"Gunakan kuasa pengguna anda sebaiknya," kata beliau.

TINDAKAN TEGAS JIKA JUAL AYAM LEBIH HARGA MAKSIMUM



Beliau mengulas laporan media mengenai peniaga di Pasar Awam Lebuh Cecil di Pulau Pinang yang mendakwa terpaksa menjual ayam mentah pada harga RM12 sekilogram sejak beberapa hari lalu berikutan kekurangan bekalan.

Memetik seorang peniaga yang enggan dikenali, laporan berkenaan menyatakan individu terbabit menjual bahagian ayam yang sudah dipotong pada harga berkenaan mengikut berat dan keinginan pelanggan, selepas dua hari pembekal tidak menghantar bekalan.

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan, sebelum ini memutuskan harga runcit maksimum bagi ayam standard dikurangkan 20 sen kepada RM8.90 daripada harga siling RM9.10 sekilogram.

Sementara itu, Azman yang mengakui sudah dimaklumkan mengenai aduan di Pulau Pinang itu, berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung perkara itu boleh melaporkan kepada pihak KPDNHEP melalui saluran disediakan.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya sudah mengarahkan penguatkuasa menyiasat perkara berkenaan.



PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan membabitkan pencatutan harga barangan yang ditetapkan Kementerian berkenaan.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam, berkata Bahagian Penguatkuasaan Kementerian itu sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi memastikan semua pihak mematuhi harga maksimum barangan yang ditetapkan.

"Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

"Bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, peniaga individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Syarikat yang berbuat demikian pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," katanya kepada BH.



Bekalan ayam, telur meningkat 90% di pasaran

KPDNHEP AKAN MENERUSKAN PEMERIKSAAN BAGI MEMASTIKAN KEBERADAAN TELUR DAN AYAM DI PASARAN PADA TAHAP YANG LEBIH BAIK UNTUK PENGGUNA

Sumber: Utusan Malaysia, 14 Februari 2022

f t i k KPDNHEP

PEMBEKAL PERLU SEGERA AGIH MINYAK MASAK ELAK MASALAH BEKALAN

Putrajaya - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengarahkan semua syarikat di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) dan pembekal supaya menyejajarkan pembungkusan dan agihan minyak masak bagi mengelakkan kekurangan bekalan di pasaran.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, isu kekurangan bekalan tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan telah meluluskan pengeluaran sebanyak 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi setiap bulan bagi meringankan beban pengguna daripada golongan kurang berkemampuan.

"Namun disebabkan beberapa faktor seperti pembelian panik oleh pengguna, berlaku sedikit gangguan bekalan di pasaran, dan diburukkan lagi dengan berita-berita tidak sahih mengenai kenaikan harga barangan," katanya.

Menurut Azman, selain pembelian panik, pembukaan sektor ekonomi secara penuh dalam tempoh cuti perayaan turut menyumbang kepada kekurangan bekalan di pasaran.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan golongan peniaga supaya tidak mengenakan syarat tertentu bagi pembelian minyak masak peket bersubsidi kerana ia menyalahi undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Azman berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai tindakan itu diminta menyalurkan aduan secara rasmi berserta informasi lengkap kepada KPDNHEP agar tindakan tegas dapat diambil terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab.

"Ada kedai yang meletakkan syarat pelanggan perlu membeli barangan lain sebelum boleh mendapatkan minyak masak. Ini kami dah ambil beberapa tindakan berdasarkan aduan pengguna," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azman memaklumkan bahawa pihaknya telah menjalankan pemeriksaan harga dan bekalan di 80,465 premis seluruh negara bermula 1 hingga 28 Januari lalu dan daripada jumlah itu, 19 peratus atau 12,834 premis terletak di kawasan luar bandar.

"Pemeriksaan itu adalah bagi memastikan pengguna di kawasan luar bandar turut menikmati bekalan keperluan asas seperti gula, tepung gandum dan minyak masak pada kadar harga yang sama dengan penduduk di bandar.

"Jarak perjalanan jauh, keadaan geografi atau kemudahan akses ke sesuatu tempat tidak seharusnya dijadikan alasan untuk peniaga menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya kerana ia adalah sebahagian daripada rutin sistem rantaian pembekalan," katanya.



DOMPET RAKYAT TERKESAN, MENGAPA DAN BAGAIMANA MENGATASI?



kebanyakan komoditi dunia seperti jagung, soybeans, gandum, crude oil, palm oil sedang mengalami kenaikan harga bermula tahun 2020 hingga kini (Januari 2022).

Berdasarkan analisis KPDNHEP antara faktor kerencaman yang menjadi punca kepada berlakunya inflasi yang diiringi dengan kenaikan harga barang sekaligus menyebabkan dompet rakyat terkesan dan beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada perubahan

dan RON95 merupakan item yang mewakili wajaran terbesar dalam kelompok ini. Oleh itu, perubahan harga jualan runcit minyak petroleum ini merupakan elemen yang sangat mempengaruhi perubahan dalam inflasi kumpulan Pengangkutan yang seterusnya memberikan impak yang signifikan kepada perubahan inflasi secara keseluruhannya.

vi. Perubahan cuaca dan bencana alam;

Faktor ini menyebabkan pengeluaran terganggu. Sebagai contoh, sekiranya negara India mengalami musim banjir, maka

Inflasi bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia. KPDNHEP melalui Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara melaksanakan pelbagai program berbentuk rakyat-centric dalam memastikan rakyat tidak terbeban akibat berlakunya inflasi.

BERNAMA TV pada 28 Januari 2022 jam 9.00 malam mengupas isu tersebut di dalam segmen Ruang Bicara Bahas yang menampilkan panel Tn. Jafri Embok Taha, Pengarah Kanan, Sektor Hal Ehwal Sara Hidup dan Penyelidikan KPDNHEP bergandingan dengan Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Saari, Penganalisis Ekonomi mengupas topik Inflasi: Dompot Rakyat Terkesan, Mengapa dan Bagaimana.

Inflasi. Digeruni. Namun di peringkat global kini sedang berhadapan dengan inflasi, dari sudut pandang KPDNHEP apakah penjelasan yang boleh diberikan mengenai inflasi global dan yang berlaku sejak beberapa bulan kebelakangan ini?

Isu kenaikan harga pada ketika ini amat berkait rapat dengan faktor inflasi di peringkat global terutama faktor kenaikan harga minyak mentah dunia yang telah mencecah sekitar USD89/setong pada bulan Januari 2022 berbanding USD54/setong pada Januari 2021.

Faktor kenaikan harga minyak mentah dunia ini amat memberi kesan kepada peningkatan kadar inflasi di Malaysia mahupun di peringkat global seperti Amerika Syarikat (7.0%), United Kingdom (5.4%) dan negara-negara Eropah (5.0%). Malah negara-negara Asia seperti India (5.6%), Singapura (4.0%), Korea Selatan (3.7%), Filipina (3.6%), Taiwan (2.6%), Thailand (2.1%), Indonesia (1.8%) dan China (1.5%) juga terkesan dengan peningkatan inflasi di negara masing-masing.

Kebergantungan Malaysia dengan barangan import terutama bagi pengimportan bahan-bahan makanan menyebabkan negara kita juga terkesan dengan kenaikan harga di peringkat global. Sebagai contoh, kenaikan harga ayam yang dialami ketika ini antaranya dipengaruhi oleh faktor kenaikan harga kos input makanan ternakan yang diimport dari Amerika Syarikat dan Argentina iaitu jagung dan *soybeans*.

Begitu juga lain-lain bahan makanan yang diimport seperti bawang merah, cili merah, kobis bulat, gandum dan lain-lain bahan makanan yang bergantung kepada pengimportan dari negara luar demi memenuhi keperluan populasi rakyat Malaysia. Jika dilihat trend harga komoditi dunia pada ketika ini,

i. Faktor permintaan dan penawaran

Ketidakseimbangan yang berlaku antara jumlah permintaan dengan jumlah penawaran barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah negara pada sesuatu masa tertentu. Jika berlaku peningkatan jumlah permintaan yang tinggi berbanding dengan jumlah penawaran, maka inflasi akan wujud.

ii. Kegiatan manipulasi harga oleh orang tengah;

Peningkatan harga di pasaran juga berlaku sekiranya terdapat faktor manipulasi harga dalam sesebuah rantaian bekalan.

iii. Peningkatan kos pengeluaran

Kenaikan harga barangan boleh berlaku sekiranya kos pengeluaran meningkat seperti kos upah pekerja. Contohnya, jika kadar upah meningkat dengan tinggi maka kos pengeluaran akan meningkat. Apabila kos pengeluaran meningkat, maka pengeluar yang sentiasa mahu memaksimumkan keuntungan akan mengenakan harga yang tinggi kepada pengguna.

iv. Kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama dunia

Penawaran wang yang banyak dalam sesuatu ekonomi boleh meningkatkan jumlah permintaan dalam negara. Jika penawaran wang tidak dikawal, maka ekonomi pada keseluruhannya mempunyai kadar kecairan yang tinggi dan ia akan meningkatkan jumlah permintaan dalam negara. Jika terlalu banyak wang yang mengejar barangan dan perkhidmatan yang sedikit, maka inflasi akan wujud.

Sebagai contoh, jika kadar pertukaran wang Malaysia dengan Amerika Syarikat jatuh (bermakna semakin banyak ringgit diperlukan untuk membeli satu dolar Amerika), maka dengan secara langsung Malaysia terpaksa membelanjakan banyak wang untuk mendapat sejumlah barangan dan membayar dengan harga yang tinggi. Tentunya harga yang tinggi ini akan dikenakan ke atas pengguna dalam negara.

v. Peningkatan harga minyak mentah dunia terutamanya petroleum

Faktor kenaikan harga minyak mentah dunia (Europe Brent / Crude Oil WTI) amat memberi kesan kepada peningkatan kadar inflasi di Malaysia mahupun di kebanyakan negara-negara lain kerana kebergantungan "*petrol dolar*" oleh negara-negara global. Jika diteliti Indeks Harga Pengguna (IHP), kelas perbelanjaan bagi Bahan Api & Pelincir untuk Pengangkutan Persendirian (petroleum) merupakan wajaran yang terbesar dalam bakul IHP

contoh, sekiranya negara kita mengalami masalah dengan pengeluaran bawang merah di negara tersebut akan terjejas menyebabkan bekalan import bawang ke Malaysia akan terganggu. Kekurangan bekalan ini akan menyebabkan harga akan naik.

vii. kos pengimportan yang tinggi terutamanya bagi bahan makanan;

viii. sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan;

ix. kegiatan kartel dan monopoli; dan

x. peningkatan kos logistik dan pengangkutan.

Kerajaan menerusi KPDNHEP komited memastikan kenaikan harga barang segera ditangani demi kesejahteraan Keluarga Malaysia. KPDHEP sendiri berada di dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL). NACCOL sebagai Sekretariat yang dipertanggungjawabkan untuk **membantu Kerajaan dalam menangani isu berkaitan kos sara hidup rakyat di Malaysia** akan senantiasa komited dan terbuka untuk membantu meringankan bebanan kos sara hidup rakyat **melalui kerjasama strategik bersama tujuh (7) Kluster NACCOL**. Bagi memastikan inisiatif NACCOL ini dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Tahun 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan pada 9 Disember 2021 dan telah memutuskan beberapa perkara iaitu:

- Pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM)** dengan kos sebanyak **RM100 juta**, untuk dilaksanakan di 222 kawasan Parlimen sehingga **Mac 2022**,
- Pemanjangan **Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak** sehingga bulan **Mac 2022** dengan kos sebanyak **RM150 juta**, dan
- Pemantauan dan pelaporan secara langsung oleh Kluster-Kluster di bawah NACCOL bagi **41 inisiatif** dengan peruntukan sebanyak **RM14.32 bilion** yang telah diluluskan di bawah Bajet 2022. Pemantauan secara langsung ini akan memastikan semua Kluster melaksanakan segera inisiatif tersebut memandangkan peruntukan yang besar ini perlu disalurkan rakyat.

NACCOL juga akan mengadakan **Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Tahun 2022** pada **31 Januari 2022 (Isnin)** bagi membincangkan **isu berkenaan industri pengeluaran makanan**.

DITERBITKAN OLEH:



Unit Komunikasi Korporat

2022@ YT, AT, AZ